

Piawaian halal Malaysia diguna di peringkat sejagat

PUTRAJAYA 21 Jun — Piawaian MS1500:2004, yang diperkenalkan tahun lepas sebagai garis panduan umum bagi pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan produk makanan halal telah dicadangkan sebagai piawaian sejagat untuk diguna pakai terutama oleh negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

MS1500:2004 merupakan piawaian Malaysia bagi produk dan perkhidmatan halal.

Cadangan itu dibangkitkan dalam satu sesi di Forum Perdagangan Intra-OIC bertajuk "Produk dan Perkhidmatan Halal: Peluang di kalangan Negara-Negara OIC" oleh Dr. Floyd A. Young, perunding undang-undang dan perniagaan antarabangsa dari Arab Saudi.

"Malaysia telah menetapkan piawaian dan melabur dalam prasarana saintifik bagi menangani dan menyelesaikan semua bahagian dalam pengeluaran rantai makanan halal," katanya dalam pembentangan kertas kerjanya.

Pengalaman Malaysia dalam mewujudkan piawaian produk dan perkhidmatan halal boleh membantu negara-negara OIC untuk mengguna pakai dan melaksanakan piawaian halal yang terpiawai bagi negara-negara Islam, kata Young.

Sebagai contohnya, beliau berkata, kerajaan Perancis telah meminta Malaysia membantu menyediakan satu garis panduan umum bagi penyediaan produk makanan halal kerana Perancis merupakan satu daripada negara yang mempunyai piawaian penduduk Islam yang ramai.

"Ini menunjukkan kita bahawa piawaian

halal Malaysia terkenal di seluruh dunia," katanya kepada Bernama selepas sesi tersebut.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Islam Malaysia (Jakim) Datuk Mustafa Abdul Rahman berkata beliau telah memperkenalkan piawaian MS1500:2004 di mesyuarat pegawai-pegawai kanan di Jeddah bulan lepas.

"Ia mendapat sambutan baik. Bagaimanapun, ianya perlu diserahkan kepada Akademi Fiqh Islam terlebih dahulu untuk disemak. Sehingga sekarang, kami belum berpeluang untuk bertemu mereka (anggota akademi)," katanya.

Akademi itu, satu daripada sekutu OIC yang ditubuhkan pada tahun 1981 semasa satu mesyuarat di Mekah, dianggotai cendekiawan Islam dari pelbagai bidang kepakaran.

Mereka ini berfungsi sebagai badan yang menilai dan membincangkan isu-isu tertentu terutamanya yang berkaitan dengan pematuhan Syariah sebelum mengeluarkan satu kenyataan kepada OIC.

Mustafa juga berkata jabatan itu bersedia untuk membantu negara-negara yang memerlukan kepakaran mereka dalam menyediakan garis panduan menetapkan piawaian halal.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa negara-negara anggota OIC untuk bekerjasama dalam mengguna pakai piawaian halal yang diiktiraf antarabangsa. — Bernama